



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MOSTI AKAN MELANCARKAN BAGANG PENANGKAPAN BILIS TERAPUNG BIOKOMPOSIT

BANDAR TENGGARA, 24 April 2022 - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) akan melancarkan bagang penangkapan bilis terapung biokomposit di Kota Belud. Projek ini adalah hasil dari projek *Malaysia Social Innovation* yang dijalankan oleh Agensi Nuklear Malaysia dan Yayasan Inovasi Malaysia. Projek ini akan memberi peluang pendapatan baharu kepada Veteran Tentera Laut DiRaja Malaysia Sabah seramai lebih 100 orang.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr Adham Baba berkata, "projek ini merupakan pemula kepada pembangunan struktur terapung lestari di kawasan tersebut untuk dimajukan kepada penternakan akuakultur marin dan juga sektor pelancongan akua atau *aquatourism*. Limpahan dari pembangunan ini akan membuka manfaat kepada kebanyakan rakyat di Sabah dan juga model pembangunan ekonomi yang sama boleh dibuat di Semenanjung Malaysia terutamanya di Johor."

Selain itu, Nuklear Malaysia telah menghasilkan radio isotop Samarium 153 bersama kit EDTMP untuk rawatan paliatif pesakit kanser. Samarium 153 ini digunakan untuk membantu melegakan kesakitan tulang bagi pesakit yang menghidapi penyakit kanser tahap kronik. Antara kelebihan Samarium 153 adalah memberi penambahbaikan ketara skor kesakitan kepada pesakit selain akan mengurangkan kebergantungan kepada penggunaan analgesik narkotik dan yang pastinya, Samarium 153 selamat digunakan.

Di sini, Nuklear Malaysia yang merupakan agensi di bawah MOSTI

memainkan peranan yang besar dan memberi dimensi yang baharu kepada landskap perubatan negara kerana dapat menjimatkan kos di mana ubat yang diperlukan tidak perlu lagi diimport dari luar negara.

Nuklear Malaysia turut menjalankan penyelidikan bagi menghasilkan beberapa produk biokomposit iaitu bahan baru berasaskan serat semula jadi yang diadun bersama-sama bahan plastik tersinar dan digabungkan dengan partikel nano. Bahan komposit ini telah dipertingkatkan sifat seperti kekuatan dan ketegaran, ketahanan air, sifat mekanik, sifat termal serta sifat fizikal. Bahan ini juga mudah diproses dan dibentuk menjadi produk yang diperlukan.

Dalam perkembangan lain, MOSTI menerusi Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) sedang giat menjalankan Pembangunan Pusat Kemudahan Latihan Simulasi Pasukan Tindak Balas Nuklear (RMK-12). Projek ini merupakan salah satu usaha dalam untuk menjadikan AELB sebagai sebuah pusat latihan fizikal bagi meningkatkan dan mengekalkan keupayaan pasukan terhadap tindakbalas nuklear dalam menangani kejadian radiologi dan nuklear.

Selain itu, untuk rakyat di Negeri Johor ini pula adalah keberadaan AELB yang mempunyai pusat beroperasi di Pejabat Cawangan Kulai di mana agensi ini sentiasa bersedia untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat terutama dalam penyampaian perkhidmatan pelesenan dan penguatkuasaan tenaga atom yang lebih cekap dan berkesan

[TAMAT]

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

24 April 2022